

177 sampel sah bukan muntah paus

SH 5/3/2024 M/S 25

Dianalisis UMT sejak tahun 2021 turut melibatkan sampel dari luar negara

Oleh NORHASPIDA YATIM
KUALA TERENGGANU

Sebanyak 177 sampel dari objek dipercayai sebagai muntah paus atau ambergris yang dianalisis Universiti Malaysia Terengganu (UMT) sejak 2021 sehingga akhir Februari lalu didapati tidak tulen.

Pengarah Pusat Perkhidmatan Penyelidikan dan Lapangan (PPPL) UMT, Dr Hasrizal Shaari berkata, ia termasuk sampel yang dihantar dari luar negara seperti Indonesia, Thailand, Hong Kong dan Singapura.

Menurutnya, kebanyakan sampel yang dihantar dari dalam negara itu tiada kandungan am-

brien iaitu komponen penting bagi menentukan ketulenan lilin ambergris.

“Setakat ini tiada lagi sampel yang kita kenal pasti tulen. Untuk tahun ini sahaja sehingga hingga hujung Februari lalu kita menerima 15 sampel diambil dari objek yang dipercayai sebagai ambergris.

“Pada pandangan saya, sukar untuk menemui muntah paus tulen di perairan Malaysia khususnya di Perairan Pantai Timur yang mempunyai purata kedalaman yang cetek.

“Pembentukan ambergris adalah daripada proses yang berlaku secara tidak sengaja oleh sistem pencernaan ikan Paus Sperma apabila memakan sotong-sotong gergasi di perairan laut dalam, sebab itu spesies ikan paus tersebut dikenali sebagai *deep diver*,” katanya pada Isnin.

Jelasnya, peluang untuk menemui ambergris tulen di perairan Pentas Sunda yang purata



Objek yang ditemukan seorang penduduk di Pantai Kelulut, Marang dipercayai tumbuhan laut namun ada segelintir pihak mendakwa ia adalah muntah paus. Gambar kecil: Hasrizal.

kedalaman perairan kurang dari 100 meter amat tipis dan mustahil.

Menurutnya, lemak-lemak atau minyak terapung di permukaan laut daripada sumber-sumber tertentu juga mampu membentuk objek seakan-akan ambergris disebabkan oleh tin-

dak balas cahaya matahari dan air laut.

“Sebab itu analisis dijalankan di Makmal PPPL UMT mengenal pasti kebanyakan sampel yang diterima menunjukkan terdapat komponen lemak yang seakan-akan berasal dari minyak masak.

“Jadi tidak hairanlah sekira-

nya penemuan ketulan-ketulan yang seakan-akan ambergris boleh berlaku,” ujar beliau.

Beliau berkata, UMT mampu menentusahkan ketulenan muntah paus dan ia diperakui pakar dari Plymouth Universiti, Profesor Dr Rowlan J Stevan yang bersara wajib dari dunia akademik.